

# Kerusi 'swing' Hulu Selangor uji kekuatan PH, BN dalam PRU16

● Politik Hulu Selangor memang cukup unik dan kompleks. Sering kali menjadi tumpuan strategik ekoran komposisi pengundi India yang disifatkan sebagai penentu atau 'king maker' kepada kemenangan mana-mana parti

● Faktor tempatan dan nasional seperti kos sara hidup, kestabilan politik, harga barangan serta peluang pekerjaan menjadi penentu utama orientasi pengundi, selain penilaian prestasi wakil rakyat



Oleh Dr Rusnawati Ismail  
bhrencana@bh.com.my

**Bahang** Pilihan Raya Umum Ke-16 (PRU16) semakin panas dan memuncak selepas pembubaran Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor dan Negeri Sembilan. Pemimpin politik sudah mula berkira-kira mengharungi pilihan raya berkenaan.

Cakap-cakap politik mengenai bakal calon sudah mula berterbangan. Media juga mula buat pertimbangan dan pencarian mengenai kedudukan terkini di kawasan 'panas', khususnya di negeri tumpuan politik seperti Selangor, Johor, Perak, Wilayah Persekutuan dan Kedah.

Pemerhati politik pula meramalkan 'petunjuk PRU16' berdasarkan keputusan PRN Johor dan Negeri Sembilan. Di satu sudut lain pula, Barisan Nasional (BN) sudah bersedia untuk

bangkit semula sebagai parti 'dominan'.

Pakatan Harapan (PH) pula sebelum ini dilihat terlalu prihatin mahu menjaga 'keharmonian silaturahim' dalam Kerajaan Perpaduan, sudah mula sedar mengenai nilai persahabatan selepas BN bertindak pantas membubarkan DUN Johor. Bagi PH, lawan tetap lawan, membujur lalu melintang patah.

## Medan pertempuran paling sengit

Dalam fenomena seperti inilah, kawasan tumpuan seperti Parlimen 'pilihan politik' umpama Hulu Selangor dijangka kembali menjadi antara medan pertempuran paling sengit pada PRU16, mendedahkan landskap politik kawasan berkenaan yang kekal dinamik dan sukar diramal sejak pilihan raya lalu.

Pola pengundian masih tidak stabil, ditambah pula jangkakan pertembungan pelbagai penjurong antara blok utama politik tanah air, meletakkan Hulu Selangor sebagai kerusi 'swing' tumpuan pemerhati politik.

Untuk rekod, pada PRU15, calon PAS yang ber-

tanding di bawah bendera Perikatan Nasional (PN), Mohd Hasnizan Harun, berjaya memenangi kerusi berkenaan selepas menewaskan pencabar terdekatnya, Dr Sathia Prakash Nadarajan (PH-PKR) dengan majoriti tipis 1,562 undi. Kemenangan berkenaan berikutan tamparan hebat kepada PH, khususnya PKR.

Dalam saingan enam penjurong itu, Mohd Hasnizan memperoleh 46,823 undi, disusuli Dr Sathia (45,261 undi); Datuk T Mohan daripada BN-MIC (27,050 undi); Harumaini Omar daripada Parti Pejuang Tanah Air (PEJUANG) (1,849 undi); Haniza Mohamed Talha daripada Parti Bangsa Malaysia (PBM) (1,013 undi) dan calon Bebas, Azlinda Baroni (446 undi).

Keputusan berkenaan menyaksikan PKR gagal mempertahankan kerusi dimenangi June Leow pada PRU14.

Hulu Selangor sebelum ini ialah kubu kuat BN-MIC yang pernah diwakili bekas Presidennya, mendiang Datuk Seri G Palanivel selama empat penggal, sebelum beralih kepada bekas Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk P Kamalanathan yang juga anak jati Hulu Selangor yang diangkat mantan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Realitinya, politik Hulu Selangor memang cukup unik dan kompleks. Sering kali menjadi tumpuan strategik ekoran komposisi pengundi India yang disifatkan sebagai penentu atau 'king maker' kepada kemenangan mana-mana parti.

Komposisi pemilih di Parlimen Hulu Selangor ialah pengundi Melayu sebagai golongan majoriti sebanyak 60.39 peratus, diikuti pengundi Cina (20.80 peratus); India (16.22 peratus) dan etnik lain (2.59 peratus)

Walaupun pengundi Melayu miliki majoriti atas kertas dan keputusan PRU15 memberikan 'kesimpulan' sama hingga memenangi calon PN disebabkan 'gelombang hijau' tapi apakah situasi sama akan muncul semula di PRU16?

Perlu diingat, pada pilihan raya lalu, impak perpecahan undi komuniti itu jelas kelihatan apabila

kehadiran calon BN daripada MIC, Mohan, berjaya menarik jumlah undi signifikan, sekali gus menjejaskan sasaran kemenangan PH.

Sekiranya BN berpendirian untuk tetap gerak solo di PRU16, apakah MIC akan diberikan peluang sekali lagi untuk bertanding? Atau calon UMNO mahu ambil alih? Memang tidak dinafikan UMNO Hulu Selangor sudah lama 'mengintai' kerusi Parlimen.

Sekiranya undi PH dan BN dikira bersama jumlahnya cukup tinggi. Memang gabungan PH-BN boleh menang selesa. Namun, senario PRU15 sukar berulang sekiranya BN mengambil pendirian bertanding secara solo pada PRU16, menyamai strategi pernah diambil parti itu dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor ketika ini.

## Persaingan dijangka lebih kompleks

Menjelang PRU16, persaingan dijangka menjadi lebih kompleks membabitkan pertembungan antara blok utama termasuk PN, PH dan BN.

Faktor tempatan dan nasional seperti kos sara hidup, kestabilan politik, harga barangan serta peluang pekerjaan akan menjadi penentu utama orientasi pengundi, selain penilaian terhadap prestasi semasa wakil rakyat.

Kawasan Parlimen yang merangkumi DUN Batang Kali, Hulu Bernam dan Kuala Kubu Bharu ini, memaparkan perbezaan ketara corak pengundian antara penduduk luar bandar dan semi-urban, menjadikan setiap undi cukup penting.

Dalam pada itu, nama Dr Sathia yang kini memegang jawatan sebagai Penyelaras Parlimen Hulu Selangor, Ketua Cabang PKR Hulu Selangor serta Pengarah Pilihan Raya Negeri PKR Selangor, terus disebut-sebut sebagai figura utama untuk menggalas cabaran PH di Parlimen ini.

Baru-baru ini, penularan poster beliau di media sosial yang membawa naratif 'Perjuangan Saya Kekal di Hulu Selangor' serta kelantangan beliau mendesak keperluan sebuah hospital baharu di kawasan itu mencetuskan perbincangan hangat dalam kalangan penduduk setempat.

Ketika dihubungi, Dr Sathia menegaskan komitmennya untuk tidak meninggalkan kawasan berkenaan meskipun tewas pada pilihan raya lalu.

"Segala keputusan berhubung pencalonan terpujang sepenuhnya kepada pucuk pimpinan tertinggi parti. Fokus utama saya adalah meneruskan khidmat bakti kepada komuniti di Hulu Selangor kerana masih ramai yang memerlukan bantuan dan sokongan.

"Pusat khidmat saya sentiasa beroperasi dan menerima pelbagai permasalahan rakyat. Sejak PRU15, saya tidak pernah meninggalkan kawasan ini dan akan terus konsisten bersama mereka. Inilah pegangan politik saya," katanya.

Hakikatnya, faktor personaliti calon, rekod perkhidmatan konsisten serta keupayaan menyantuni pengundi akar umbi akan menjadi kunci utama kemenangan di salah satu kerusi paling panas di Selangor ini.



Mohd Hasnizan



Dr Sathia

